

03 MAY 1999

BPR-Perwaja

KES PERWAJA STEEL AMBIL MASA LAMA KERANA RUANG SIASATAN YANG LUAS

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap kes penyelewengan dalam Perwaja Steel Berhad mengambil masa yang lama kerana ruang siasatannya yang luas, kata Ketua Pengarahnya Datuk Ahmad Zaki Haji Husin.

"Ia membabitkan transaksi antarabangsa yang membabitkan bidang kuasa atau perundangan bukan hanya di dalam Malaysia tetapi luar. Jadi kita menghadapi ruang siasatan yang lebih luas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas ditanya mengapa siasatan BPR terhadap Perwaja Steel, yang mengalami kerugian berbilion ringgit, mengambil masa lama untuk disiapkan walaupun ia telah dimulakan sejak tiga tahun lepas.

"Siasatan masih berjalan," katanya selepas merasmikan kursus asas kadet penguasa dan penolong penguasa BPR 1/99, di ibu pejabat badan itu, hari ini.

BPR melancarkan siasatan terhadap syarikat besi keluli yang berpusat di Terengganu itu pada Oktober 1996 selepas didakwa berlaku penyelewengan sehingga menyebabkan kerugian terkumpul berjumlah RM2.9 billion.

Beliau berkata terdapat perkembangan baru berkaitan kes itu yang menyebabkan BPR terpaksa melanjutkan dan meluaskan skop siasatannya, walaupun secara amnya, ia dapat menjangkakan tempoh menyelesaikan ks itu.

Beliau juga enggan menyatakan sama ada bekas Pengarah Urusan Perwaja Tan Sri Eric Chia masih dikehendaki memberi keterangan tentang siasatan itu kepada BPR.

Ahmad Zaki berkata BPR juga akan melakukan siasatan terhadap dakwaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kroni Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumpul harta berjumlah RM230 juta selepas mendapat laporan.

Dr Mahathir, ketika berucap di Kubang Pasu baru-baru ini, mendedahkan beliau mempunyai bukti tentang seorang kroni bekas timbalan perdana menteri itu yang secara tiba-tiba dapat mengumpul harta berjumlah RM230 juta dan menggunakan wang itu untuk membayar perusuh-perusuh di Kuala Lumpur.

"Jika ada laporan, kita akan timbangkan. Jika laporan itu mempunyai merit, maka kita akan buat siasatan seperti kes-kes yang lain," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zaki berkata sepanjang tahun lepas, BPR menahan 300 orang di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 berbanding 334 pada tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, seorang daripadanya adalah pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 14 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 171 orang dari kumpulan Sokongan.

Antara yang turut ditahan ialah seorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau exco dan tiga orang anggota Majlis Daerah.

Beliau berkata nilai suapan sepanjang tahun lepas adalah RM7 juta berbanding RM5 juta pada 1997, yang menunjukkan peningkatan RM2 juta atau 44.4 peratus.

Ahmad Zaki juga menafikan bahawa BPR mengamalkan sikap "memilih bulu" dan penangkapan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta beberapa pegawai tinggi kerajaan membuktikan ia tidak bersikap demikian.

-- BERNAMA

MHI NAK